

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA DIPILIH SEBAGAI PENERUSI BERSAMA BAGI MESYUARAT *REGIONAL ADVISORY BOARD (RAB)* *INTERNATIONAL COMPARISON PROGRAM (ICP)* 2021 BAGI ASIA DAN PASIFIK

PUTRAJAYA, 11 OKTOBER 2023 – Malaysia, melalui Jabatan Perangkaan Malaysia telah dilantik sebagai penerusi bersama dalam mesyuarat *Regional Advisory Board (RAB) International Comparison Program (ICP)* 2021 bagi Asia dan Pasifik pada 9 Oktober 2023. YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, telah mengetuai delegasi mesyuarat yang bertempat di Kuala Lumpur.

International Comparison Program (ICP) merupakan inisiatif global yang diselenggarakan oleh *World Bank*. Program ICP ini menghasilkan anggaran KDNK dan komponen berasaskan kepada keseimbangan kuasa beli (*Purchasing Power Parity, PPP*); memberikan perbandingan sebenar output ekonomi dengan ukuran yang lebih baik berbanding berasaskan kadar pertukaran. Tambahan daripada itu, PPP yang diperoleh daripada ICP menghasilkan indikator penting antaranya dalam pengukuran kemiskinan global dan indikator lain bagi agenda *Sustainable Development Goal (SDG)*.

Regional Advisory Board (RAB) International Comparison Program (ICP) adalah badan perundingan yang terdiri daripada pakar dan wakil daripada pelbagai negara dan organisasi yang mengambil bahagian dalam wilayah tertentu. Peranan utama RAB adalah untuk menyediakan panduan dan cadangan untuk meningkatkan kualiti, relevan dan impak data ICP serta analisis serantau.

Dalam ICP untuk Asia dan Pasifik, *Regional Advisory Board (RAB)* ditubuhkan untuk memberikan nasihat kepada penyelaras serantau ICP Asia dan Pasifik. Badan ini diwakili pihak berkepentingan di peringkat ekonomi dan serantau. *Asian Development Bank (ADB)* menerajui dalam pelaksanaan ICP rantau Asia dan Pasifik dengan sejumlah 22 ekonomi mengambil bahagian dalam program tersebut.

Sejumlah tujuh (7) ahli RAB daripada pelbagai agensi pelaksana kebangsaan (*National Implementing Agencies, NIA*) telah menganggotai ICP RAB yang terdiri daripada *National Institute of Statistics Cambodia, International Statistical Information Centre National Bureau of Statistics People's Republic of China,*

*Census and Statistics Department Hong Kong China, National Statistical Office, Ministry of Statistics and Programme Implementation, India, **Jabatan Perangkaan Malaysia**, National Bureau of Statistics Maldives dan Trade Policy and Strategy Office Thailand.* Saranan mengenai kaedah telah dicadangkan bagi memastikan data yang boleh dipercayai, dibandingkan dan konsisten dalam rantau Asia dan Pasifik.

Sejak awal tahun 2021, kesemua ekonomi yang menyertai program ICP telah menunjukkan usaha dalam pelaksanaan kutipan harga walaupun terpaksa menghadapi persekitaran yang mencabar akibat pandemik COVID-19. Oleh itu, kaedah alternatif seperti temu bual melalui telefon, e-mel dan *website scraping* telah diperkenalkan. Walaupun begitu, DOSM tetap memberikan komitmen dalam memastikan kejayaan program ICP 2021 ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, yang mengetuai ekonomi Malaysia pada kitaran ICP 2021 menyatakan bahawa Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sentiasa komited dalam menyediakan data yang telus dalam memastikan kejayaan dalam pelaksanaan ICP 2021 dan penerbitan penemuan ICP menjelang suku pertama tahun 2024. DOSM telah menunjukkan pencapaiannya dalam menghadiri kesemua bengkel serantau, penyediaan senarai item mengikut sektor tinjauan ICP, semakan dan pengesahan data, keputusan awal dan pascanilai Malaysia terhadap program ICP.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 OKTOBER 2023**

PRESS STATEMENT

MALAYSIA ELECTED AS CO-CHAIR OF THE REGIONAL ADVISORY BOARD (RAB) MEETING ON INTERNATIONAL COMPARISON PROGRAM (ICP) 2021 FOR ASIA AND THE PACIFIC

PUTRAJAYA, OCTOBER 11, 2023 – Malaysia, through the Department of Statistics Malaysia (DOSM), has been elected as the Co-Chair of the Regional Advisory Board (RAB) Meeting on International Comparison Program (ICP) 2021 for Asia and the Pacific on October 9, 2023. YBhg. Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician, led Malaysia's delegates at the meeting held in Kuala Lumpur.

The International Comparison Program (ICP) is a global initiative coordinated by the World Bank. The programme produces estimates of GDP and its several components based on purchasing power parities (PPPs), providing real comparisons of economies' outputs which are better measures than the exchange-rate-based comparisons. Furthermore, the PPPs derived from ICP have found several uses including in measuring global poverty, and several other indicators of the Sustainable Development Goals Agenda.

The Regional Advisory Board (RAB) of the International Comparison Program (ICP) is a consultative body comprising experts and representatives from participating countries and organisations within a specific region. The RAB's primary role is to provide guidance and recommendations to enhance the quality, relevance, and impact of ICP data and analysis within the region.

In the ICP for Asia and the Pacific, the RAB is established to provide advice to the ICP Asia and the Pacific regional coordinator. The board includes representatives of economy-level and regional stakeholders. The Asian Development Bank (ADB) is taking the regional lead in implementing ICP Asia and the Pacific with a total of 22 of economies are participating in the programme.

There were seven (7) RAB members from various National Implementing Agencies (NIA) in the ICP RAB consisting of National Institute of Statistics Cambodia, International Statistical Information Centre National Bureau of Statistics People's Republic of China, Census and Statistics Department Hong Kong China, National Statistical Office, Ministry of Statistics and Programme Implementation, India, **Department of Statistics of Malaysia**, National Bureau of Statistics Maldives and Trade Policy and Strategy Office Thailand. Recommendations on methods was made to ensure reliable, comparable and consistent data within Asia and the Pacific region.

Since the beginning of 2021, all participating economies have made considerable effort in conducting price collection despite a challenging environment due the COVID-19 pandemic. Thus, alternative methods like phone interviews, emails, and web scraping were introduced. Despite these challenges, DOSM remains fully committed to ensuring the success of ICP 2021.

Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, who led the Malaysia economy at the current ICP 2021 cycle, reaffirmed DOSM's is committed in providing reliable data in order to ensure the successful completion of the current ICP 2021 cycle and the publication of results by the first quarter of year 2024. DOSM has shown its milestones for attending all the regional workshops, preparation of items lists based on ICP surveys sectors, review and validation of data, preliminary results and the country's report.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a platform that provides a catalogue of data and visualisation that facilitates users in analysing various types of data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing medium and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
11 OCTOBER 2023**